

Amaran hujan lebat di Pantai Timur, Johor

KUALA LUMPUR – Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) semalam mengeluarkan amaran hujan lebat peringkat merah dan jingga bagi negeri-negeri di Pantai Timur dan Johor yang dijangka berterusan sehingga hari ini.

Menerusi kenyataan rasminya dalam Facebook, MetMalaysia meramalkan hujan lebat akan berlaku di beberapa kawasan di Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor.

“Amaran hujan lebat peringkat merah dikeluarkan di kawasan Kota Bharu, Pasir Puteh, Bachok dan Tumpat bagi negeri Kelantan manakala di Terengganu daerah yang diramal terjejas ialah Besut, Setiu, Kuala Terengganu, Marang, Dungun dan Kemaman.

“Amaran peringkat jingga pula dikeluarkan di daerah Kuala Krai, Gua Musang, Jeli, Tanah Merah, Machang, Pasir Mas serta Hulu Terengganu,” menurut kenyataan tersebut semalam.

Selain itu, amaran jingga turut dikeluarkan beberapa daerah di Johor iaitu Mersing, Kota Tinggi, Segamat, Kluang, Kulai dan Johor Bahru selain Kuantan, Pekan dan Rompin di Pahang selepas diramal mengalami taburan hujan sederhana lebat.

Amaran itu dikeluarkan mengikut sukatan jumlah purata taburan hujan mengikut ukuran milimeter (mm) dalam tempoh satu jam.

Sukatan tersebut ialah 0.05-0.5mm (biru), 0.5-8mm (hijau), 8-20mm (kuning), 20-80mm (jingga), 80-200mm (merah) dan 200-400mm ke atas (merah jambu).